
EDIBLE LANDSKAP



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN
TINGKAT 7, PLAZA PERMATA IGB,
JALAN KAMPAR OFF JALAN TUN RAZAK
50400 KUALA LUMPUR



1.0 PENGENALAN

'Edible' landskap adalah satu pendekatan rekabentuk taman yang menggabungkan penggunaan tanaman makanan dan tanaman. Ia juga dikenali sebagai Laman Dapur, Taman Tumbuhan Makanan (Edible Garden) dan taman komuniti.

Rekabentuk ini lebih menonjolkan elemen-elemen landskap lembut tanaman makanan (edible plant) sebagai alternatif kepada elemen tanaman hiasan sediaada.

Komposisi penggunaan tumbuhan di dalam 'edible' landskap yang dikenali sebagai landskap lembut secara amnya adalah sekurang-kurangnya terdiri daripada 50 % tumbuhan 'edible' bergantung kepada saiz dan lokasi tapak, kemampuan, minat dan kehendak pemilik.

2.0 FUNGSI DAN FAEDAH

2.1 FUNGSI

Rekabentuk 'Edible' landskap menyumbang nilai estetik dengan mewujudkan persekitaran ataupun ruang luar dan yang selesa, menarik dan berfungsi sebagai sumber dan bahan makanan segar, masakan (rempah ratus/masakan), kosmetik, perubatan dan wangi-wangian melalui penggunaan bahagian-bahagian tertentu pada tumbuhan 'edible'.

2.2 FAEDAH

Faedah utama pembangunan 'edible' landskap ialah :-

- a. 'Edible' landskap dapat mewujudkan kediaman yang memenuhi fungsi estetika dan kegunaan.

- b. Menggalakkan orang ramai terutamanya di kawasan perumahan menanam tanaman makanan bagi keperluan sendiri.
- c. Mengurangkan kos perbelanjaan ke atas barang keperluan harian.
- d. Sebagai tempat atau ruang untuk menjalankan aktiviti riadah dan rekreasi seisi keluarga.
- e. Menyediakan ruang dan peluang kepada masyarakat untuk menjalankan kegiatan riadah dan rekreasi bersama bagi meningkat hubungan dan perpaduan sesama mereka.

3.0 PENGELASAN 'EDIBLE' LANDSKAP

Pengelasan 'Edible' landskap dibahagikan mengikut lokasi dan jenis tanaman seperti berikut:-

3.1 Pengelasan mengikut lokasi

a. Kediaman Individu

- i. Laman hadapan - Ruang santai utama
- ii. Laman tengah - Ruang Santai keluarga
- iii. Laman dapur - Laman Belakang

b. Taman Kejiranan atau Taman Komuniti

- i. Tanah lapang atau kawasan rizab (contohnya rizab sungai di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- ii. Dibangunkan bersama dan dengan penglibatan ahli masyarakat bagi menjamin kejayaan dan lestari.

3.2 Pengelasan mengikut jenis tanaman

Bil.	JENIS	PENGGUNAAN & CONTOH
1.	Sayur daun	<p>Bahagian daun tanaman ini keseluruhannya boleh digunakan untuk bahan masakan atau makanan.</p> <p>Bayam, kangkung, sawi, daun bawang, pucuk paku, sawi, salad, kailan, kobis, dan asparagus.</p>
2.	Sayur buah	<p>Tanaman ini menghasilkan buah yang dijadikan bahan masakan atau makanan. Ia kebanyakannya tidak sesuai di makan mentah atau dimasak.</p>
	2.1 Renek	Cili, terung, timun, bendi, tomato, labu, dan lada.
	2.2 Papanjat/kekacang	Kacang botor, kacang panjang, kacang buncis, peria dan petola.
3.	Ubi / Umbisi	<p>Akar tanaman menghasilkan bahagian yang boleh digunakan sebagai bahan makanan.</p> <p>Keladi, keledak, ubi kayu, lobak putih, lobak merah dan sengkung.</p>
4.	Tanaman ulam-ulaman	<p>Sebahagian daripada bahagian tanaman boleh dimakan mentah sebagai ulam.</p> <p>Kaduk, ulam raja, pegaga, selom, dan gajus.</p>
5.	Tanaman buahan (Pokok bersaiz sederhana dan buah nadir)	<p>Buah-buahan dari tanaman ini yang boleh dimakan. Buah-buahan ini biasanya ditanam di dusun-dusun, disekitar rumah.</p> <p>Limau kasturi, limau nipis, limau purut, nenas, buah naga, jambu batu, belimbing, betik, pisang dan buah nadir.</p>
6.	Tanaman herba (Perubatan, kosmetik dan wangian)	<p>Tanaman yang mempunyai bahagian yang boleh digunakan untuk penghasilan ubat-ubatan tradisional atau ramuan kosmetik.</p> <p>Tongkat ali, kacip fatimah, cempaka, kenanga, dan melor.</p>
7.	Tanaman rempah ratus dan bahan masakan	<p>Tanaman herba digunakan sebagai ramuan dan penambah perisa dalam masakan.</p>
	7.1. Rhizom	Kunyit, lengkuas, kantan, dan halia
	7.2. Berdaun	Pandan, serai, dan serai wang.
	7.3. Pokok	Pokok kari, kacang turi, cengkih, pala, dan belimbing buluh.

TANAMAN SAYUR-SAYURAN

Sayur Daun



DAUN SALAD



KUCHAI



KOBIS BULAT



KOBIS PANJANG



ASPARAGUS



DAUN SADRI




PARSLI

Sayur Daun



KANGKUNG



DAUN BAWANG



SAWI



BAYAM

Sayur Buah - Renek



CILI



TERUNG



TERUNG PANJANG



BENDI



LADA BENGALA



TERUNG PIPIT



TOMATO



Sayur Buah – Memanjat/ kekacang



PETOLA



KACANG PANJANG



PERIA KATAK



KACANG BOTOL



KACANG BUNCIS



LABU AIR



KACANG TELANG



TIMUN



LABU



KACANG TANAH

Sayur—Akar/ Ubi/ bebawang



UBI KELEDEK



UBI KENTANG



UBI KAYU



KELADI



SENGKUANG




BAWANG BESAR




LOBAK PUTIH

Tanaman Ulam-Ulaman



KADUK




MATA PELANDUK



PEGAGA



ULAM RAJA



PUCUK GAJUS



JERING



PUDINA



KEMANGI



PETAI

Tanaman Herba



SIREH



TONGKAT ALI



LIDAH BUAYA



MAS COTEK



HEMPEDU BUMI



KACIP FATIMAH



MISAI KUCING



DUKUNG ANAK



PATAWALI



SETAWAR



NILAM

Tanaman Rempah Ratus



SERAI



DAUN KARI



LADA HITAM



BUAH PALA



JINTAN HITAM



PANDAN



SERAI WANGI



DAUN TEH

Tanaman Rempah Ratus - Rhizom



KANTAN



CEKUR



SERAI



HALIA



LENGKUAS



HALIA BARA



KUNYIT



Tanaman Buahan – Buah Nadir



JAMBU AIR



LIMAU KASTURI



NONA



LIMAU PURUT



DELIMA



CERI



CERMAI



MATA KUCING

Tanaman Buahan – Buah Kontang/ Lain-lain



NAM-NAM



KELAPA



SUKUN



TEBU



BELIMBING

4.0 PRINSIP REKABENTUK 'EDIBLE' LANDSKAP

Prinsip-prinsip rekabentuk berikut digunakan bagi mencorakkan sesuatu ruang secara fizikal dan menghasilkan kesan-kesan estetik dan kepelbagaian fungsi sesuatu 'edible' landskap.

4.1 KESATUAN (unity)

Pemilihan & penggunaan elemen secara konsisten dan berulang-ulang bagi mewujudkan kesatuan dan suasana harmoni yang sesuai dengan konsep, tema dan idea rekabentuk.



4.2 KERINGKASAN (Simplicity)

Secara amnya keringkasan menekankan ciri-ciri keharmonian iaitu penggunaan kombinasi ciri-ciri dan sifat-sifat yang hampir serupa dari segi bentuk, saiz, warna dan fungsi. Penggunaan elemen yang terlalu banyak akan mewujudkan persekitaran keliman kabut manakala penggunaan elemen yang terlalu ringkas akan memberi kesan yang 'monotonous' atau membosankan. Pemilihan dan penggunaan elemen yang penting, ringkas dan mudah adalah bagi menghasilkan persekitaran yang berfungsi, menarik dan menjimatkan kos penyelenggaraan.



4.3 KEANEKAAN (Variety)

Keanekaan boleh diwujudkan melalui penggunaan dan gabungan pelbagai elemen seperti bentuk, warna, saiz, garisan dan ruang secara harmoni dan berkesan bagi mewujudkan kepelbagaian



kesan rekabentuk tetapi tidak menjejaskan kesatuan (unity) dan kesederhanaan. Ia memberi kesan pengalaman yang berbeza dan menimbulkan minat yang berterusan. Kegagalan dalam mungguhkan prinsip ini akan menghasilkan rekabentuk yang bercelaru dan mengelirukan.

4.4 KONTRAS

Kontras bermaksud sesuatu rekabentuk yang mempunyai elemen yang bertentangan dari pelbagai ciri-ciri rekabentuk bagi menojolkan perbezaan dan rekabentuk yang tidak hambar (monotonous). Kontras boleh digunakan bagi melebihkan tumpuan terhadap satu-satu elemen.

4.5 KESEIMBANGAN (Balance)

Keseimbangan bermaksud mewujudkan keseragaman dan kestabilan pemandangan dan ruang ruang yang dihasilkan melalui susunan elemen-elemen landskap di dalam sesuatu gubahan.

Terdapat 2 jenis keseimbangan iaitu :-

- i) Keseimbangan simetri (formal)
- ii) Keseimbangan asimetri (tidak formal)

i. Keseimbangan simetri (Formal)

Keseimbangan simetri terhasil dari penggunaan dan gabungan elemen yang sama di dalam suatu rekabentuk dan dibahagikan melalui *central axis* dan geometrik serta mempunyai rekabentuk yang sama di kedua-dua bahagian dari segi bahan, bentuk, warna, tekstur, ketinggian dan lain-lain.



ii. Keseimbangan asimetri (Tidak formal)

Keseimbangan asimetri terhasil dari penggunaan dan gabungan elemen yang tidak sama dari segi saiz, bentuk, warna, tekstur, ketinggian dan sebagainya tetapi dalam masa yang sama masih mengekalkan keseimbangan. Ianya lebih popular dan digemari dalam rekabentuk kerana boleh menghasilkan pemandangan yang lebih menarik dan semulajadi.



4.6 PENUMPUAN (Focalization)

Penumpuan adalah penggunaan elemen dalam rekabentuk yang dapat menghasilkan kesan daya penarik, tumpuan yang tinggi dan khusus serta menghasilkan satu daya pandangan ke arah satu titik tumpu (focal point). Ianya dapat diwujudkan dengan penerapan ciri-ciri istimewa dari segi ketinggian, saiz, warna yang terang, tekstur yang berbeza, rupa bentuk atau gubahan terhadap sesuatu titik tumpu (focal point). Di antara objek yang sesuai dijadikan titik tumpu (focal point) ialah air pancutan, wakaf yang unik, arca, mercutanda, unsur semulajadi atau tumbuhan yang unik.



4.7 ULANGAN/TURUTAN (Repetition)

Ia merupakan kaedah penggunaan elemen yang berulang-ulang untuk memberi penekanan kepada konsep, tema dan idea rekabentuk tertentu bagi mengelakkan kesan 'monotonous' dan kecelaruan.



4.8 RITMA (Rhythm)

Ritma merupakan perubahan dari satu keadaan dan ruang kepada keadaan dan ruang yang lain secara berperingkat-peringkat bagi menentukan arah pandangan dan pergerakan di samping mewujudkan suasana keharmonian dan kesinambungan dan keselesaan di segi penggunaan warna, garisan, rupa bentuk, tekstur dan ketinggian yang efektif bagi menghasilkan rekabentuk yang menarik. Ia juga boleh mengelakkan suasana 'monotonous' atau suasana yang bercelaru.



4.9 SKALA

Skala bermaksud setiap rekabentuk perlu disesuaikan dengan ruang dan pengguna sesuatu ruang. Ia merupakan perkaitan relatif antara elemen-elemen rekabentuk, pengguna, aktiviti dan keadaan sekeliling. Setiap elemen yang direka seperti kerusi, pergola, wakaf dan sebagainya perlu menepati skala tubuh manusia agar dapat memberi keselesaan kepada pengguna elemen dan ruang tersebut. Ruang yang kecil memerlukan elemen-elemen landskap yang kecil bagi mengelakkan kesesakan suasana ruang tersebut.



5.0 ELEMEN REKABENTUK 'EDIBLE' LANDSKAP'

Elemen-elemen asas rekabentuk landskap boleh diterapkan dari kepelbagaian nilai estetik dan fungsi visual tanaman 'edible' seperti saiz, bentuk, warna, tekstur, bau dan rasa.

TANAMAN 'EDIBLE'	KEPELBAGAIAN CIRI-CIRI, ESTETIKA & FUNGSI VISUAL			NILAI	KESAN REKABENTUK
Pokok	Warna	Tekstur	Bentuk	Saiz	Pemandangan
Daun					Bau
Bunga					Bunyi
Buah					Sentuhan
Batang					Rasa



DAUN



BUNGA



BUAH



BATANG

5.1 Warna

Faktor warna adalah untuk memberi kepelbagaian kesan pandangan dalam sesuatu taman. Di dalam 'edible landskap', elemen warna dizahirkan melalui buah, bunga ataupun daun pada tumbuhan yang dipilih.

Contoh elemen warna pada buah adalah seperti cili, tomat, terung, cermai dan belimbing. Elemen bunga yang berwarna pula ialah kantan, halia, lempoyang dan misai kucing. Sementara elemen warna pada daun adalah seperti bayam, kobis, keledak, pegaga dan kunyit.

Penggunaan elemen warna juga boleh dizahirkan melalui penggunaan tanaman hiasan yang biasa digunakan seperti heliconia, canna, bougainvillea, bunga raya dan lain-lain yang bersesuaian dengan ruang dan kawasan.

5.2 Tekstur

Pemilihan tanaman 'edible' juga perlu mengambil kira keadaan tekstur tanaman bagi mewujudkan variasi yang pelbagai dan menarik dalam sesuatu taman. Elemen ini boleh didapati melalui visual pada bentuk fizikal tanaman ataupun melalui sentuhan pada tumbuhan tersebut samaada melalui daun, buah, bunga ataupun batang pokok yang dipilih.

Terdapat 2 faktor yang diambilkira ialah tumbuhan yang bertekstur halus seperti pandan, kangkung, daun bawang, kaduk, pegaga, sireh, buah terung, timun, pokok kantan, keladi dan lain-lain. Sementara tanaman yang bertekstur kasar pula adalah seperti sawi, serai, ulam raja, bayam, peria, bendi, tebu, kacang panjang, kacang botol dan lain-lain.

